



**KENYATAAN AKHBAR
OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

BERKENAAN:

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI
SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI
NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2020**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
TAHUN 2020 SIRI 1**

1. Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dilaksanakan selaras dengan Seksyen 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun Persekutuan dan Negeri. Manakala pengauditan pengurusan syarikat kerajaan pula dijalankan selaras dengan Seksyen 5(1)(d), Akta Audit 1957.
2. Perkara 107(1) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Perkara 107(2) pula menyebut mana-mana laporan yang berhubungan dengan sesuatu negeri hendaklah dikemukakan kepada Raja atau Yang Di-Pertua Negeri bagi negeri itu untuk dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri.

3. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Pulau Pinang Tahun 2020 telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 2 Disember 2021. Manakala LKAN mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2020 Siri 1 telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 22 Mac 2022. Kedua-dua LKAN ini dibentangkan setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya, kedua-dua LKAN ini telah mendapat perkenan Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada 30 Mei 2022.
4. LKAN pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

4.1. LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Pulau Pinang Tahun 2020

4.1.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- a. Pengauditan yang dijalankan mendapati penyata kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 telah diberi Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan Hal-Hal Lain iaitu:
 - i) Kerajaan Negeri Pulau Pinang hendaklah memastikan nilai bawaan pelaburan di Penyata Kewangan adalah tepat berdasarkan kuantiti saham terkini yang dimiliki oleh Kerajaan negeri.

- ii) Mekanisme serahan kutipan Fi Hotel dan Rumah Ibadat Bukan Islam perlu ditambah baik agar dapat diperakaunkan dengan teratur dalam tahun ianya diterima.

4.1.2. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri

- a. Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan negeri adalah kukuh. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2020 adalah berjumlah RM1.821 bilion iaitu berkurangan sebanyak RM278.37 juta (13.3%) berbanding RM2.100 bilion pada akhir tahun 2019.
- b. Baki Akaun Hasil Disatukan berkurangan sebanyak RM267.06 juta (23.1%) menjadi RM887.78 juta berbanding RM1.155 bilion pada akhir tahun 2019. Kutipan hasil berkurangan sebanyak RM194.24 juta (29.4%) menjadi RM467.28 juta berbanding RM661.52 juta pada tahun 2019. Kerajaan negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2020 dengan defisit berjumlah RM267.06 juta berbanding lebih RM80.21 juta yang diperoleh pada tahun 2019.

4.1.3. Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Pulau Pinang

- a. Setakat 31 Ogos 2021, sebanyak lapan BBN dan dua PBT serta satu MAI telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 untuk diaudit. Tujuh daripada 11 agensi telah mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sebelum atau pada 30 April 2021.

- b. Bagi penyata kewangan tahun 2020, hanya tiga penyata kewangan BBN yang telah disahkan setakat 31 Ogos 2021 iaitu Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran dan dua agensi iaitu Tabung Biasiswa Negeri Pulau Pinang dan Tabung Biasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang telah dikeluarkan Pendapat Tanpa Teguran dengan *Other Matter*. Manakala lapan penyata kewangan agensi negeri yang lain masih dalam proses pengauditan setakat 31 Ogos 2021.

4.1.4. Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri

- a. Pengauditan pematuhan jabatan/agensi negeri yang dilaksanakan pada tahun 2020 melibatkan dua jabatan/agensi negeri seperti berikut:
 - i. Bayaran Bantuan Covid-19, Akaun Amanah Pengurusan Krisis Negeri Pulau Pinang, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang; dan
 - ii. Pembayaran Peralatan dan Kelengkapan Pusat Transformasi Bandar (UTC), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang:

4.2. LKAN Tahun 2020 Siri 1 Mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

- a. Pengauditan bagi pengurusan syarikat kerajaan dijalankan selaras dengan Seksyen 5(1)(d), Akta Audit 1957. Pengauditan merangkumi tiga aspek iaitu tadbir urus korporat, pengurusan aktiviti dan kedudukan kewangan syarikat.

- b. Bagi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2020 Siri 1 ini, pengauditan pengurusan syarikat kerajaan negeri telah dilaksanakan di PDC Nusabina Sdn. Bhd. (PDCN). Ringkasan penemuan Audit adalah seperti berikut:
- i. Secara keseluruhannya, PDCN belum mencapai sepenuhnya objektif penubuhan PDCN sebagai kontraktor yang bergiat dalam industri pembinaan. Prestasi aktiviti pembinaan bangunan, kejuruteraan awam dan penyenggaraan bangunan serta infrastruktur adalah baik kerana pendapatan yang diperoleh bagi tahun 2018 hingga 2020 berjumlah RM72.87 juta telah menyumbang 98% kepada pendapatan keseluruhan syarikat. Bagaimanapun, pelaksanaan aktiviti kurang memuaskan kerana projek lewat disiapkan menyebabkan bayaran LAD dikenakan, pelantikan subkontraktor yang bukan dalam senarai pra kelayakan dan pertambahan kos buruh. Pengurusan pembayaran *site meal* pula tidak jelas dan tidak terperinci.
 - ii. Selain itu, keupayaan PDCN sebagai kontraktor pembinaan juga kurang memuaskan kerana aktiviti PDCN bergantung sepenuhnya kepada projek yang diterima daripada PDC.
 - iii. Amalan tadbir urus korporat PDCN berada pada tahap kurang memuaskan di mana tujuh aspek amalan terbaik tadbir urus korporat syarikat tidak diamalkan sepenuhnya. Dari segi aspek kedudukan kewangan, PDCN berada pada tahap kukuh kerana mencatatkan keuntungan bagi tempoh tiga tahun berturut-turut.
- 4.3. Semua ketua jabatan/agensi yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam LKAN untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah

diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Sebanyak 10 syor telah dicadangkan dalam LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2020 dan empat syor dalam LKAN Tahun 2020 Siri 1 Mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri pulau Pinang.

5. Kedua-dua LKAN ini akan dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada **30 Mei 2022**. Oleh itu, LKAN ini akan dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara pada tarikh yang sama. Orang awam boleh melayarinya di alamat <https://www.audit.gov.my> mulai 30 Mei 2022 selepas jam 10.00 pagi. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada jbaudit@audit.gov.my.

Ketua Audit Negara

30 Mei 2022

29 Syawal 1443H